

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>1.0 PK 1.1 Punca Kuasa, Prinsip Dan Kategori Perolehan Kerajaan</b>		
1.1	Apakah syarat yang membolehkan syarikat/kontraktor menyertai tender/ sebut harga yang ditawarkan oleh PTJ Kerajaan?	<p>a) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, syarikat perlu berdaftar dengan MOF di bawah kod bidang yang berkenaan dan mendapatkan sijil akuan pendaftaran syarikat.</p> <p>b) Bagi perolehan kerja, kontraktor perlu berdaftar dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</li> <li>ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan; dan</li> <li>iii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).</li> </ul> <p>c) Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, kontraktor hendaklah berdaftar masing-masing dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor- Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Sijil ini adalah setaraf dengan SPKK yang dikeluarkan CIDB.</p> <p>d) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).</p> <p>e) Sijil Taraf Bumiputera (STB), jika berkaitan.</p>
<b>2.0 PK 1.4 Dasar Bahan, Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan</b>		
2.1	Adakah setiap item <i>ex-stock</i> yang dibekalkan perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal terlebih dahulu?	Ya. Perolehan <i>ex-stock</i> tanpa sebarang had nilai perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal terlebih dahulu.
2.2	Bagi perolehan barangan import bernilai kurang RM50 ribu adakah perlu menggunakan kaedah <i>Free On Board</i> (FOB)?	Ya, PTJ hendaklah memastikan harga yang ditawarkan tidak termasuk tambang pengangkutan dan insurans. PTJ dibolehkan melantik mana-mana

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

		syarikat MTO dan mendapatkan perlindungan insurans barangan daripada syarikat/ broker insurans tempatan mengikut PP/PK2.23.						
2.3	Adakah perolehan barangan import dengan nilai di bawah RM500 ribu perlu menggunakan kaedah <i>Cost, Insurance &amp; Freight (CIF)</i> ?	<p>Bagi perolehan barangan import dengan nilai RM500 ribu sehingga RM500 ribu, harga tawaran adalah secara <i>Cost, Insurance &amp; Freight (CIF)</i> atau apa-apa kaedah <i>Incoterms</i> di mana harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, fi perkhidmatan Sistem ePerolehan serta kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans.</p> <p>Perolehan barangan import melebihi RM500 ribu harga tawaran hendaklah secara FOB. KKM telah diberikan kelulusan supaya perolehan barangan import sehingga nilai RM500 ribu dilaksanakan secara CIF sehingga 31 Disember 2027.</p> <p>Semua perolehan barangan import yang tertakluk FTA/CPTT hendaklah dilaksanakan secara CIF.</p>						
<b>3.0 PK 1.5 Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan</b>								
3.1	Apakah nilai perolehan yang perlu diberi keutamaan kepada syarikat Bumiputera?	Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu hendaklah dipelawa di kalangan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.						
3.2	Adakah kiraan keutamaan harga <i>Margin of Preference (MOP)</i> yang sama digunakan bagi perolehan yang tidak tertakluk dan tertakluk FTA/CPTTP?	<p>Tidak. Kiraan MOP bagi perolehan tertakluk FTA/CPTTP hendaklah mengikut kategori berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 20%;">Kategori 1</td> <td>Syarikat Bumiputera yang menawarkan barangan dari negara FTA</td> </tr> <tr> <td>Kategori 2</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Syarikat Bumiputera menawarkan barangan dari negara bukan ahli FTA</li> <li>b. Syarikat tempatan Bukan Bumiputera menawarkan barangan dari negara ahli FTA</li> <li>c. Syarikat negara ahli FTA menawarkan barangan dari negara ahli FTA</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>Kategori 3</td> <td>Syarikat Bumiputera berstatus pembuat</td> </tr> </table>	Kategori 1	Syarikat Bumiputera yang menawarkan barangan dari negara FTA	Kategori 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Syarikat Bumiputera menawarkan barangan dari negara bukan ahli FTA</li> <li>b. Syarikat tempatan Bukan Bumiputera menawarkan barangan dari negara ahli FTA</li> <li>c. Syarikat negara ahli FTA menawarkan barangan dari negara ahli FTA</li> </ul>	Kategori 3	Syarikat Bumiputera berstatus pembuat
Kategori 1	Syarikat Bumiputera yang menawarkan barangan dari negara FTA							
Kategori 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Syarikat Bumiputera menawarkan barangan dari negara bukan ahli FTA</li> <li>b. Syarikat tempatan Bukan Bumiputera menawarkan barangan dari negara ahli FTA</li> <li>c. Syarikat negara ahli FTA menawarkan barangan dari negara ahli FTA</li> </ul>							
Kategori 3	Syarikat Bumiputera berstatus pembuat							

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

4.0 PK 1.6 Integriti Dalam Perolehan Kerajaan		
4.1	Perlukah <i>Integrity Pact</i> ditandatangani untuk semua perolehan atau bagi sebut harga dan tender sahaja?	<i>Integrity Pact</i> perlu ditandatangani untuk semua perolehan.
5.0 PK 1.12 Pelaksanaan Program PROTÉGÉ- Ready To Work (PROTÉGÉ-RTW)		
5.1	Apakah perbezaan Nilai Ambang Bagi Perolehan Yang Tertakluk di Perenggan 2.1 a) dan Nilai Ambang Bagi Perolehan Yang Tertakluk di Perenggan 2.1 b)?	Perenggan 2.1 a) merujuk kepada nilai ambang PROTÉGÉ-RTW bagi perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang tertakluk kepada FTA/CPTPP.  Manakala perenggan 2.1 b) merujuk kepada nilai ambang PROTÉGÉ-RTW mengikut Sektor bagi perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang tidak tertakluk FTA/CPTT.
6.0 Pendaftaran Syarikat Bekalan/Perkhidmatan		
6.1	Jika syarikat berdaftar dengan MOF, adakah syarikat terjamin untuk peluang berurus niaga dengan jabatan Kerajaan?	Tidak. Syarikat perlu bersaing dengan syarikat-syarikat lain bagi urusan sebut harga dan tender. Bagi pembelian terus PTJ Kerajaan boleh melaksanakan pembelian terus daripada syarikat yang berdaftar jika harga yang ditawarkan berpatutan.
6.2	Berapa lamakah sijil pendaftaran berkuat kuasa?	Tempoh kuat kuasa sijil pendaftaran adalah selama 3 tahun.
7.0 PK 2.1 Perihal Umum Perolehan		
7.1	Bagaimanakah kaedah perolehan ditetapkan?	Kaedah perolehan ditetapkan berdasarkan anggaran nilai perolehan setahun atau nilai satu kontrak yang bertempoh.
7.2	Adakah MOF akan memberikan pelanjutan tempoh untuk mengemukakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) selepas 15 Januari?	PPT yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal perlu dikunci masuk dalam sistem ePerolehan berdasarkan peruntukan tahun semasa yang tersedia selewat-lewatnya pada 15 Januari setiap tahun. Kemaskini dan pindaan ke atas maklumat yang telah dikunci masuk boleh dilaksanakan selepas tarikh tersebut, sekiranya terdapat keperluan.

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

7.3	Adakah had nilai bagi perolehan pembelian terus sehingga RM20 ribu sahaja?	<p>Had nilai perolehan pembelian terus adalah sehingga RM50 ribu.</p> <p>Berikut merupakan had nilai bagi menentukan kaedah perolehan:</p> <table border="1" data-bbox="727 449 1424 1035"> <thead> <tr> <th>Kaedah Perolehan</th> <th>Had Nilai (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembelian Terus</td> <td>Sehingga RM50 ribu</td> </tr> <tr> <td>Sebut Harga</td> <td>RM50 ribu sehingga RM500 ribu</td> </tr> <tr> <td>Tender Terbuka</td> <td>Melebihi RM500 ribu</td> </tr> <tr> <td>Tender Terbuka Pra-Kelayakan</td> <td>Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus</td> </tr> <tr> <td>Tender Terbuka <i>Request for Proposal</i> (RFP)</td> <td>Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus</td> </tr> <tr> <td>Rundingan Terus</td> <td>Tiada Had Nilai</td> </tr> </tbody> </table> <p>Manakala, had nilai bagi perolehan tertakluk di bawah FTA/CPTPP seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="727 1140 1424 1362"> <thead> <tr> <th>Kategori Perolehan</th> <th>Had Nilai (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bekalan</td> <td>8.85 juta</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan</td> <td>11.8 juta</td> </tr> <tr> <td>Kerja</td> <td>371.7 juta</td> </tr> </tbody> </table>	Kaedah Perolehan	Had Nilai (RM)	Pembelian Terus	Sehingga RM50 ribu	Sebut Harga	RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Tender Terbuka	Melebihi RM500 ribu	Tender Terbuka Pra-Kelayakan	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus	Tender Terbuka <i>Request for Proposal</i> (RFP)	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus	Rundingan Terus	Tiada Had Nilai	Kategori Perolehan	Had Nilai (RM)	Bekalan	8.85 juta	Perkhidmatan	11.8 juta	Kerja	371.7 juta
Kaedah Perolehan	Had Nilai (RM)																							
Pembelian Terus	Sehingga RM50 ribu																							
Sebut Harga	RM50 ribu sehingga RM500 ribu																							
Tender Terbuka	Melebihi RM500 ribu																							
Tender Terbuka Pra-Kelayakan	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus																							
Tender Terbuka <i>Request for Proposal</i> (RFP)	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus																							
Rundingan Terus	Tiada Had Nilai																							
Kategori Perolehan	Had Nilai (RM)																							
Bekalan	8.85 juta																							
Perkhidmatan	11.8 juta																							
Kerja	371.7 juta																							
7.4	Siapakah pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan aduan bagi perolehan?	<p>Bagi perolehan tender yang tidak tertakluk FTA/CPTPP, pihak yang bertanggungjawab terhadap aduan adalah urus setia perolehan masing-masing.</p> <p>Manakala bagi perolehan tender yang tertakluk FTA/CPTPP, pihak yang bertanggungjawab adalah Panel Semakan <i>Domestic Review Procedure</i> (DRP) KKM. Urus setia perolehan hendaklah melampirkan borang aduan dan memasukkan perihal aduan serta e-mel rasmi <a href="mailto:feedbackdrp@moh.gov.my">feedbackdrp@moh.gov.my</a> dalam dokumen pelawaan.</p>																						

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

<b>8.0 PK 2.2 Tender Terbuka</b>		
8.1	Adakah menjadi kesalahan yang boleh ditegur oleh pihak audit jika sesebuah PTJ menyelesaikan pembukaan tender dalam kadar masa satu (1) minggu atau lebih (gagal dibuka dalam masa satu (1) hari pada hari yang sama tender ditutup) akibat daripada kepadatan jadual kerja Pegawai Pembuka atau ketiadaan Pegawai Pembuka di pejabat?	<p>Kelewatan membuka tender dalam tempoh segera seperti yang ditetapkan akan menyebabkan kelewatan dalam proses perolehan dan boleh menimbulkan isu integriti seperti penerimaan tawaran lewat, kebocoran maklumat dan lain-lain risiko serta berkemungkinan proses tender boleh dicabar oleh pihak yang menyertai tender tersebut.</p> <p>Oleh yang demikian, sebarang pelanggaran peraturan boleh ditegur oleh pihak audit. PTJ sewajarnya memastikan jadual kerja pelaksanaan perolehan adalah teratur dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang isu.</p>
8.2	Adakah taklimat/lawatan tapak bagi sesuatu tender wajib dilaksanakan?	Taklimat/lawatan tapak adalah tidak wajib. Walau bagaimanapun, ianya hendaklah dilaksanakan bagi perolehan dengan nilai yang besar serta perolehan yang kompleks.
8.3	Sekiranya didapati sesuatu tender perlu dibatalkan, adakah perlu mendapat kelulusan Lembaga Perolehan KKM (LPKKM) terlebih dahulu?	<p>Sekiranya iklan tender telah ditutup dan dalam proses penilaian, kelulusan untuk membatalkan tender hendaklah diperolehi daripada LPKKM.</p> <p>Sekiranya tender perlu dibatalkan dalam tempoh iklan, kelulusan hendaklah diperolehi daripada Pengerusi LPKKM.</p>
<b>9.0 PK 2.5 Kontrak Pusat</b>		
9.1	Adakah PTJ perlu menggunakan kontrak pusat kertas A4 putih 80 gsm?	Ya, PTJ Kerajaan merangkumi semua Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri di Semenanjung Malaysia perlu menggunakan kontrak pusat bagi perolehan kertas A4 Putih 80 gsm.
9.2	Apakah kaedah perolehan kertas selain kertas A4 putih 80 gsm?	Kaedah perolehan bagi kertas selain daripada kertas A4 putih 80 gsm hendaklah dibuat mengikut tatacara perolehan semasa yang sedang berkuat kuasa.

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

<b>10.0 PK 2.9 Sebut Harga</b>		
10.1	Siapakah yang boleh memutuskan sebut harga dan siapakah yang boleh melantik Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)?	Semua sebut harga hendaklah diputuskan oleh JKSH yang telah dilantik oleh Pegawai Pengawal KKM.
10.2	Sekiranya tawaran terendah dalam sesuatu perolehan sebut harga adalah RM520 ribu, bolehkah tawaran sebut harga tersebut dipilih oleh Jawatankuasa Sebut Harga?	Tidak boleh. Had nilai kuasa Jawatankuasa Sebut Harga adalah sehingga RM500 ribu sahaja. Tawaran sebut harga tersebut hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan KKM untuk dipertimbangkan.
10.3	Bolehkah Jawatankuasa Sebut Harga memutuskan sebut harga bagi perolehan melalui peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan atau kuasanya terhad kepada peruntukan mengurus sahaja?	Jawatankuasa Sebut Harga yang dilantik oleh Pegawai Pengawal boleh memutuskan mana-mana sebut harga tidak kira sama ada sebut harga adalah bagi perolehan daripada peruntukan belanja mengurus, pembangunan atau kumpulan wang amanah dan seumpamanya.
<b>11.0 PK 2.10 Pembelian Terus (Bekalan Dan Perkhidmatan)</b>		
11.1	Apakah had nilai pembelian terus dan syarat-syaratnya?	<p>Had nilai pembelian terus secara umum adalah sehingga RM50 ribu bagi setiap jenis item bekalan atau perkhidmatan.</p> <p>Pembelian terus boleh dibuat daripada mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.</p> <p>Kajian pasaran sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan supaya harga bekalan dan perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan.</p>
11.2	Bolehkah pembelian terus dibuat daripada pembekal yang sama?	Prinsip perolehan Kerajaan menetapkan supaya perolehan secara pembelian terus hendaklah tidak tertumpu kepada pembekal yang sama/tertentu dan semua pembekal hendaklah diberi peluang bersaing dalam menawarkan harga yang kompetitif kepada Kerajaan.

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**


11.3	Apakah kaedah yang boleh diguna pakai sebagai kajian pasaran bagi perolehan secara pembelian terus?	<p>PTJ perlu mendapatkan tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan melalui kaedah kajian pasaran yang ditentukan oleh PTJ. PTJ boleh membuat kajian pasaran mengikut kesesuaian seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Melayari laman sesawang;</li> <li>b) Merujuk katalog di dalam sistem ePerolehan;</li> <li>c) Memperoleh sebut harga (<i>quotation</i>) tidak formal melalui faks/emel; dan</li> <li>d) Membuat <i>window shopping</i> dan sebagainya.</li> </ul> <p>Harga pembelian lampau juga boleh dijadikan sebagai rujukan untuk membuat perbandingan harga. PTJ boleh menentukan kaedah kajian pasaran yang paling sesuai dengan bekalan/perkhidmatan yang ingin diperoleh.</p>
<b>12.0 PK 4.1 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am</b>		
121	Adakah pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan yang kurang daripada RM200 ribu boleh dilanjutkan?	Pelanjutan bagi kontrak yang bernilai kurang daripada RM200 ribu perlu dirujuk kepada MOF.
12.2	Adakah pelanjutan tempoh penghantaran bekalan perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebut harga atau tender?	Pelanjutan tempoh penghantaran bekalan yang tidak melibatkan tambahan kos boleh dibenarkan bagi tender dan sebut harga oleh pentadbir kontrak dan tidak perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebut harga atau tender asal. Hanya pelanjutan tempoh kontrak yang perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebut harga atau tender asal.
13.3	Pelanjutan tempoh dan pertambahan nilai kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender/sebut harga asal dengan syarat-syarat yang dinyatakan. Bagi perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus, adakah ini	Permohonan pindaan kontrak (pelanjutan atau tambahan kuantiti) bagi perolehan yang dilaksanakan secara Rundingan Terus perlu dibawa ke MOF selaku PBM asal untuk pertimbangan dan kelulusan.

**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

	bermaksud pihak MOF merupakan pihak yang boleh meluluskan pelanjutan tempoh dan pertambahan nilai kontrak?	
<b>13.0 PK 4.2 Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan.</b>		
13.1	Adakah tempoh empat (4) bulan untuk melengkapkan dokumen Perjanjian selepas SST dikira daripada tarikh kontrak berkuat kuasa?	Tidak. Tempoh empat (4) bulan dikira daripada tarikh SST disetujui terima oleh syarikat.
13.2	Berapa lamakah tempoh yang ditetapkan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima?	Pembekal adalah dikehendaki untuk mengembalikan SST dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh surat tawaran tersebut (3, 7 atau 14 hari).
13.3	Siapakah yang boleh menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan?	Dokumen SST dan Kontrak hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Menteri di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120).
13.4	Perlukah dokumen kontrak di setem dan siapakah yang perlu menanggung kosnya?	Kontrak perlu dimatikan setem dan kosnya hendaklah ditanggung oleh kontraktor.
13.5	Adakah kuasa menandatangani kontrak dikira mengikut nilai kontrak setahun atau nilai keseluruhan kontrak?	Kuasa menandatangani kontrak meliputi nilai keseluruhan kontrak dan bukan nilai kontrak setahun.
13.6	Adakah pesanan Kerajaan perlu dikeluarkan sebelum pembekalan atau perkhidmatan?	Arahan Perbendaharaan 169D (d) dan PP/PK 4.2 Lampiran 5 telah menetapkan Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan <b>sebelum</b> atau <b>pada masa</b> barang/perkhidmatan dipesan.  Bagi keadaan yang melibatkan perkhidmatan secara berkala/ bulanan, PTJ hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan sebelum perkhidmatan bermula atau selewat-lewatnya pada hari pertama perkhidmatan bermula pada bulan tersebut.



**SOALAN LAZIM  
PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

		<p>Pesanan Kerajaan boleh dikeluarkan selepas bekalan diterima khusus bagi kontrak yang telah diberikan pengecualian oleh MOF (cth: kontrak pembekalan gas perubatan).</p>
<p>13.7</p>	<p>Bagaimanakah PTJ memohon kelulusan pembayaran secara ITPK?</p>	<p>Soalan Lazim berhubung Permohonan ITPK telah ditambah baik melalui Surat Peringatan KSU bertarikh 28 Oktober 2024 dan telah dimuat naik dalam Portal KKM. PTJ juga boleh memohon kelulusan pembayaran secara ITPK melalui Kod QR berikut:</p>  <p>The QR code is square-shaped with a central logo of the Malaysian Ministry of Health (KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA). It features three small square markers at the corners for scanning.</p>
<p>13.8</p>	<p>Bagaimanakah PTJ boleh menyemak status kelulusan permohonan ITPK yang telah dimohon?</p>	<p>Soalan Lazim berhubung Permohonan ITPK telah ditambah baik melalui Surat Peringatan KSU bertarikh 28 Oktober 2024 dan telah dimuat naik dalam Portal KKM. PTJ juga boleh menyemak status kelulusan permohonan ITPK melalui Kod QR berikut:</p>  <p>The QR code is square-shaped with a central logo of the Malaysian Ministry of Health (KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) featuring a red heart and a hand. It features three circular markers at the corners for scanning.</p>